

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, July 3, 2019 4:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Prince Of Songkla University Sertai Summer School



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

3 JULAI 2019 / 29 SYAWAL 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PELAJAR PRINCE OF SONGKLA UNIVERSITY SERTAI SUMMER SCHOOL



UUM ONLINE: SEFB International Summer School Programme 2019 memberi peluang keemasan kepada pelajar bertukar idea dan berkongsi maklumat cara pembelajaran serta mempelajari budaya sekali gus mewujudkan jaringan sosial yang lebih luas.

Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Prof. Dr. Russayani Ismail berkata objektif program ini adalah untuk meningkatkan kecekapan bahasa Inggeris dan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar Prince of Songkla University (PSU), Thailand.

"Program ini direka untuk membantu pelajar meningkatkan kecerdasan Bahasa Inggeris, belajar tatabahasa dan perbendaharaan kata yang berguna dalam perbualan dan komunikasi harian.

"Kursus ini juga memberi penekanan kepada komunikasi praktikal untuk membina perbendaharaan kata anda dan membantu untuk membangunkan tahap kefasihan dan

keyakinan,” ucapnya semasa Perasmian SEFB International Summer School Program 2019, di Dewan Seminar Pusat Islam.

Selain itu katanya, untuk menjadikan program ini lebih menarik, kelas pengurusan SEFB turut diadakan meliputi beberapa topik perbankan, kewangan, pengurusan risiko dan insurans, ekonomi dan perniagaan pertanian.

“Melalui program ini pelajar akan mendapat banyak manfaat, pengalaman, berkongsi pengetahuan dan pembelajaran jadi kami merekabentuk program yang melibatkan banyak aktiviti yang tidak terhad kepada kelas sahaja.

“Saya harap program ini dapat dianjurkan setiap tahun di antara UUM dan PSU dan kerjasama ini bukan sahaja terhad kepada program seumpama ini malah persidangan pertukaran pelajar/kakitangan, penyelidikan dan penerbitan.

“Terima kasih kepada Dr Parichart, Saranya dan Khairul yang berusaha menjadikan program ini suatu kenyataan juga kepada 59 pelajar dari pelbagai latar belakang berada di sini untuk menghadiri Summer School.

Sementara itu, Penolong Presiden Hal Ehwal Akademik, Prof. Madya Dr. Parichart Maneemai berbesar hati dengan kesediaan UUM menerima kunjungan mereka dan berhasrat meluaskan kerjasama akademik di samping pelbagai aktiviti.

“Satu acara yang bermakna dan saya teruja program yang dianjurkan oleh SEFB UUM dengan kerjasama PSU dapat dijayakan dengan sokongan pelbagai pihak,” luahnya.

Menurut Penyelaras Program, Khairul Anuar Adnan, SEFB menawarkan Program pengurusan SEFB dan kelas Bahasa Inggeris Intensif dengan cara yang menyeronokkan dan berkesan sepanjang sebulan berkampung di UUM.

“Usaha ini membolehkan pelajar cepat belajar Bahasa Inggeris, tatabahasa dan perbendaharaan kata yang akan berguna dalam bahasa Inggeris setiap hari.

“Kursus ini meliputi kemahiran bercakap, mendengar, membaca dan menulis, termasuk tatabahasa dan perbendaharaan kata,” ulasnya.

Tambahnya, penekanan utama kursus ini adalah komunikasi praktikal untuk membina perbendaharaan kata dan membantu mengembangkan kebolehfahaman dan keyakinan.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.